

# PM jamin acara sukan besar akan diteruskan

UM - 6 OCT 2003

Oleh  
SRY ANGRENI MOHD. ZET

**K**UALA LUMPUR 5 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa semua acara sukan besar termasuk Formula Satu dan kejohanan bot laju akan terus diadakan walaupun setelah beliau bersara.

Beliau berkata, penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa itu telah berjaya membuka mata masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan tidak berbahaya seperti dakwaan sesetengah pihak.

"Acara-acara besar seperti ini akan terus dianjurkan. Kerajaan akan memberi sokongan kerana sekiranya tidak diteruskan, menteri tidak ada kerja nak buat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan perlumbaan bot laju Formula Satu Grand Prix Malaysia di The Mines Resort City dekat sini hari ini.

Katanya, dengan menganjurkan pertandingan Formula Satu bot laju itu ia bukan sahaja berjaya menarik lebih ramai peserta antarabangsa datang ke negara ini untuk bertanding, tetapi turut menarik penonton dunia.

Sebagai contoh, katanya, kejohanan bot laju untuk kali ketiga itu telah menarik lebih ramai peserta serta penonton dari luar negara berbanding kejohanan di tahun-tahun yang lepas.

Dr. Mahathir berkata, perlumbaan itu siarkan secara langsung ke 60 negara yang mana ia memberikan gambaran jelas kepada penduduk dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat dan aman, tanpa sebarang masalah.

Sementara itu, perlumbaan sirkit kelima dalam kalendar UIM itu

menyaksikan pemandu Amerika Syarikat (AS) dari pasukan Emirates F1, Scott Gillman muncul juara.

Bekas juara dunia dua kali yang memulakan perlumbaan di petak pertama itu mencatat masa 52:00.32 saat untuk menewaskan 23 peserta lain yang mengambil bahagian.

Tempat kedua menjadi milik juara dunia tujuh kali, Guido Cappellini dari pasukan Zepter, sementara tempat ketiga dimenangi oleh bekas juara Grand Prix Malaysia 2001, Laith Pharaon dari pasukan Green.

Mengenai penganjuran perlumbaan bot laju itu, Dr. Mahathir berkata, ia merupakan satu lagi kejayaan penganjuran acara besar dan membuktikan semangat 'Malaysia Boleh'.

Beliau juga mengakui The Mines Resort City yang telah dua kali menjadi gelanggang perlumbaan merupakan tempat yang sesuai untuk menganjurkan kejohanan bot laju.

"Tempat ini memang sesuai untuk menganjurkan perlumbaan seperti ini. Lagipun rumah saya di sini, saya dapat menyaksikan perlumbaan ini dari rumah sekiranya tidak mendapat jemputan selepas tidak lagi menjadi Perdana Menteri," katanya berseloroh.

Pengarah Urusan H2O Sport yang penganjur Grand Prix Malaysia, Datuk Yahya A. Jalil sebelum ini ada membayangkan kemungkinan perlumbaan itu perlu dipindahkan ke lokasi lain tidak lama lagi memandangkan The Mines Resort City merupakan kawasan rekreasi persendirian.

Beliau bagaimanapun memaklumkan perkara itu bergantung kepada keputusan kerajaan dan mereka hanya menganjurkan perlumbaan sahaja.